

25/03/1997

Penyusunan Mahkamah Syariah tertangguh

Shamshul Azree Shamshir; Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Proses penyusunan semula Mahkamah Syariah dan penyeragaman perkhidmatan pegawai Hal Ehwal Agama Islam negeri masih tertangguh disebabkan penerangan kepada semua pihak yang terbabit di peringkat negeri mengambil masa lama.

Penyusunan semula dan penyeragaman itu sepatutnya dilakukan pada Januari lalu tetapi ia masih belum dapat dilaksanakan hingga kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata setakat ini hanya empat negeri iaitu Perlis, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang sudah menghantar surat persetujuan.

Katanya, negeri lain juga sudah menyatakan persetujuan tetapi masih di peringkat mendapatkan kelulusan ahli Exco masing-masing.

"Penerangan kepada semua pihak mengambil masa lama kerana kerajaan tidak mahu timbul salah faham dan menjejaskan pegawai sedia ada, tambahan lagi ia membabitkan struktur perjawatan lama," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen selepas majlis perasmian Penggal Ketiga Majlis Parlimen Kesembilan oleh Yang di-Pertuan Agong, di sini, hari ini.

Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pentadbiran Mahkamah Syariah di seluruh negara akan disusun semula manakala perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam, diseragamkan.

Melalui usaha itu, Jabatan Kehakiman Syariah akan ditubuh dengan diketuai oleh seorang Ketua Hakim Syarie Malaysia yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Penyusunan semula itu membolehkan hakim syarie mempunyai taraf yang sama dengan hakim mahkamah sivil. Ketua Hakim Syarie Malaysia akan dilantik mengetuai Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan tarafnya sama dengan Ketua Hakim Negara manakala Ketua Hakim Mahkamah Syarie negeri sama dengan Hakim Mahkamah Tinggi negeri.

Peluang kenaikan pangkat akan lebih terbuka apabila penyusunan semula dan penyeragaman itu dilakukan.

(END)